

11 SEP 1996

Mohamed-Umno

NAMA TIGA VETERAN ANGGOTA JAWATANKUASA KHAS UMNO DIUMUM

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Jawatankuasa Khas Umno bagi meneliti aduan mengenai salah laku dan amalan politik wang membabitkan calon bagi jawatan naib presiden, ketua wanita dan ketua pemuda semasa pemilihan parti mengadakan mesyuarat pertamanya hari ini.

Mesyuarat di Jabatan Perdana Menteri dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain Dr Mahathir, jawatankuasa itu dianggotai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat dan tiga tokoh veteran parti.

Veteran Umno itu ialah bekas Setiausaha Agung parti Tan Sri Mustapha Jabar, bekas menteri Tan Sri Abdul Samad Idris dan bekas anggota parlimen dari Kedah Azahari Taib.

Jawatankuasa khas itu diwujudkan semasa mesyuarat Majlis Tertinggi Umno minggu lepas memandangkan ada anggota Jawatankuasa Disiplin yang turut bertanding jawatan parti.

Sementara itu, pada persidangan berita di pejabatnya di sini, Mohamed meminta calon-calon jawatan MT yang dipersetujui oleh bahagian menyerahkan borang tawaran masing-masing ke ibu pejabat Umno selewat-lewatnya pada 14 Sept ini.

Katanya mereka yang gagal menyerahkan borang tawaran pada tarikh itu akan terbatal pencalonan mereka.

Mengenai 22 orang anggota Umno yang dikatakan bankrap, Mohamed berkata mungkin bilangan itu berkurangan kerana ada yang telah menjelaskan hutang masing-masing.

Bagaimanapun, katanya, mereka yang terbabit perlu memaklumkan kepada ibu pejabat mengenai kedudukan mereka bagi membolehkan mereka (yang tidak bankrap) bertanding.

Beliau juga mengulangi bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana kakitangan Jabatan Penerangan dan Penyiaran yang terlibat membantu mana-mana calon pada perhimpunan Umno Oktober ini.

Mohamed juga berkata pindaan Akta Penyiaran 1988 bagi membolehkan pelaksanaan perkhidmatan baru bagi siaran radio dan televisyen akan dibentangkan pada sidang Parlimen 14 Okt ini.

Katanya, perkara itu dipersetujui pada mesyuarat Kabinet hari ini.

Beliau berkata mengikut akta yang ada sekarang, istilah "receiver" radio dan televisyen hanya berbentuk peti televisyen dan radio sahaja dan tidak lebih daripada itu.

"Sekarang ini sudah wujud pelbagai jenis kemudahan bagi radio dan televisyen termasuk cable TV, cable radio, satelit radio dan satelit TV dan peralatan lain hasil daripada perkembangan teknologi dalam komunikasi," katanya.

Beliau berkata pindaan itu juga membolehkan siaran daripada satelit MEASAT dapat digunakan.

Katanya, ia juga akan membolehkan kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka yang menggunakan parabola yang melebihi 60 sentimeter.

-- BERNAMA

HT AHH